

Usaha berpanjangan dilaksanakan jamin sekuriti makanan

MAFI pastikan bekalan tampung keperluan rakyat dijangka meningkat lebih 45 juta menjelang 2050

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Serdang: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melaksanakan pelbagai usaha bagi menjamin sekuriti makanan negara, terutama dalam menampung keperluan rakyat yang dijangka meningkat lebih 45 juta orang menjelang 2050.

Menteri, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata usaha itu bukan jangka pendek atau sederhana, sebaliknya berpanjangan bagi memastikan kestabilan bekalan makanan diperlukan.

“Sebagai contoh tanaman padi, kita banyak mengolah dan menggunakan pendekatan SMART SBB (program SMART Sawah Berskala Besar) bagi memasukkan elemen teknologi dan pengurusan lebih efisien untuk memastikan kebergantungan 30 peratus keperluan beras negara dapat ditampung menerusi pengurusan ladang sedia ada.

“Dalam sektor perikanan pula, kita ada program adaptasi, mekanisasi dan automasi program untuk meningkatkan kelas lesen (nelayan) dari kelas A kepada B, C dan sebagainya. Jadi ini antara langkah diambil kerajaan,” ka-

tanya selepas majlis pelancaran Sistem MyWalet Bagi Industri Burung Walet di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini, semalam.

Berdepan pelbagai cabaran

Penduduk Malaysia diunjurkan meningkat kepada lebih 45 juta menjelang 2050, sekali gus bakal meningkatkan permintaan dan penggunaan makanan serta menimbulkan pelbagai cabaran, termasuk ketidakamanan makanan.

Kebimbangan itu disuarakan Pensyarah Jabatan Perniagaan-tani dan Ekonomi Biosumber, Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Norsida Man, yang menyatakan perkara itu secara tidak langsung menimbulkan isu sekuriti makanan sebagai antara anca-



Ronald melihat replika burung walet selepas pelancaran sistem MyWalet Bagi Industri Burung Walet di MAEPS, semalam. (Foto Fathil Asri/BH)

man dari perspektif keselamatan manusia pada peringkat global.

Ronald berkata, isu sekuriti makanan bukan sahaja berdepan cabaran berikutan pertumbuhan penduduk, malah pelbagai bentuk lain seperti perubahan iklim, cuaca, kemarau, kekurangan buruh asing, banjir serta penyakit.

Katanya, itu antara sebab pelbagai langkah dan tindakan diambil kerajaan bagi meningkatkan Status Kadar Sara Diri (SSL) negara.

“Jadi sekuriti makanan negara adalah isu diambil perhatian khusus oleh kerajaan, terutama ketika dunia belum pulih pan-

demik dan diburukkan lagi konflik geopolitik dunia,” katanya.

Sementara itu, Ronald berkata, kerajaan bersetuju benarkan pengambilan pekerja asing khusus bagi menampung keperluan industri sarang burung walet.

Katanya, pengambilan itu berdasarkan kapasiti pengeluaran tahunan sesebuah syarikat, tertakluk kepada syarat pengambilan pekerja asing yang berkuat kuasa.

“Kerajaan mengambil maklum keperluan industri ini dan bersetuju meluluskan satu kuota khusus bagi pekerja asing industri sarang burung ini,” katanya.